

Newspaper	Berita Harian
Date	21/2/2011



DR MAHATHIR (kiri) menunjukkan nilai replika cek yang diserahkan Musa pada Majlis Pelancaran Program NADI-Yayasan Sime Darby On Weels, di Hulu Langat, semalam.

Dr M yakin Malaysia mampu capai Wawasan 2020

HULU LANGAT: Malaysia mampu merealisasikan Wawasan 2020 jika terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi lebih tujuh peratus setiap tahun, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sambil mengangap pencapaian pertumbuhan 7.2 peratus bagi 2010 seperti yang diumumkan Bank Negara agak tinggi dan cukup baik, bekas Perdana Menteri berkata, kebanyakan negara sedang membangun hanya mencatatkan kadar pertumbuhan antara tiga atau empat peratus.

"Ini cukup baik, lebih da-

ripada sasaran awal iaitu enam peratus. Jika kadar tujuh peratus ini dapat dikekalkan setiap tahun, Insya Allah boleh capai matlamat Wawasan 2020," katanya selepas merasmikan Program Saringan Kesihatan, Diabetes dan Nasihat Gaya Hidup Sihat di Sekolah Kebangsaan Kuala Pomson, di sini, semalam.

Dr Mahathir turut membidas pembangkang yang sebelum ini membandingkan pertumbuhan ekonomi Singapura dan mendakwa mampu meningkatkan lagi kadar pertumbuhan jika me-

reka mengambil alih kerajaan.

"Jika di Singapura mereka membangun disebabkan (adanya) tempat judi. Bagaimana kita hendak membandingkan dengan dia (Singapura)," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan pembangkang unjuran ekonomi boleh dibuat-buat, Dr Mahathir berkata, pembangkang boleh membuat kajian, tetapi perlu berasaskan fakta dan bukti.

"Jika dia tak terima, dia boleh buat kajian sendiri tetapi perlu berasaskan fakta. Bagaimanapun, dia ni, batik

pun tak suka," katanya merujuk kepada blog penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mempersoalkan unjuran ekonomi negara.

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga penaung Institut Diabetes Kebangsaan (NADI) menerima sumbangan RM1.34 juta daripada Pengerusi Yayasan Sime Darby (YSD), Tun Musa Hitam, bagi membolehkan NADI dengan kerjasama YSD menjalankan kempen mencegah kencing manis di kalangan kaum Orang Asli di seluruh negara.